

Penggunaan Rutin Berfikir Lampu Merah Lampu Kuning Pembelajaran Imbuan Akhiran '-an'

Sadhana Yusop

sadhana_yusop@moe.edu.sg

Siti Raihani Husainni


siti_raihani_husainni@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Junyuan

Abstrak

Penguasaan imbuan murid lazimnya berada pada tahap yang membimbangkan kerana dapatan awal guru mendapati ramai murid yang menghadapi masalah mengenal pasti penggunaan imbuan yang tepat. Oleh itu kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat keberkesanan alat pembelajaran rutin berfikir yang disarankan melalui pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Thinking Visible* (MTV) dalam membina pemahaman murid. Rutin berfikir Lampu Merah Lampu Kuning digunakan untuk membantu murid membuat penelitian sebelum memilih imbuan yang betul. Perisian 2.0 *Interactive Whiteboard* telah diintegrasikan di samping pengajaran secara eksplisit digunakan sebagai kaedah kajian. Kajian ini melibatkan 63 orang murid Darjah 3 yang berada pada keupayaan tahap tinggi dan tahap sederhana. Dapatan kajian menunjukkan, bahawa penerapan rutin berfikir dalam pengajaran bahasa dapat menggalakkan murid berfikir secara kritis dan mewujudkan budaya berfikir dengan lebih aktif.

Kata Kunci: rutin berfikir, Pengimbuhan, *Interactive Whiteboard*, Pengajaran Eksplisit, *Error Analysis*



PENGENALAN

Penguasaan tatabahasa merupakan antara asas utama dalam memperoleh kefasihan bahasa bagi membantu murid mengumpul, memproses dan menjana idea selain menghasilkan bahan-bahan penulisan yang baik. Menurut White (1987), kemahiran menulis perlu dikuasai oleh murid untuk membolehkan mereka berkomunikasi dengan berkesan. Namun, tanpa penguasaan ilmu tatabahasa, objektif menghasilkan penulisan yang baik sukar dicapai. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh pandangan ahli bahasa yang berpendapat bahawa biarpun setiap manusia mempunyai kebolehan menguasai kemahiran lisan dan membaca, hanya sebilangan kecil sahaja yang mampu menulis dan mengarang dengan baik. Daripada itu, para pengkaji kertas kajian ini amat berminat untuk meneliti masalah penguasaan bahasa, iaitu penggunaan imbuhan akhiran '-an'. Para pengkaji telah memanfaatkan alat rutin berfikir, kaedah '*Newman Error Analysis*' dan pengajaran eksplisit dengan sokongan '*Interactive Whiteboard*' dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) imbuhan akhiran '-an'.

PERNYATAAN MASALAH


Semakin ramai murid menghadapi masalah menggunakan imbuhan yang tepat, baik dalam penulisan mahupun pertuturan. Selain itu, kaedah pengajaran konvensional didapati kurang berkesan dan tidak menunjukkan kemajuan dalam pembinaan ayat dalam kalangan murid. Mereka juga tidak mampu bertutur dengan yakin dan membina ayat dengan menggunakan kata terbitan yang betul. Hal ini berlaku disebabkan kurangnya pendedahan murid pada bahan-bahan bacaan bahasa Melayu.

Selain itu, budaya berfikir secara aktif, kreatif dan kritis juga kurang menyerlah dalam kalangan murid. Oleh yang demikian, guru-guru bertanggungjawab dalam mewujudkan suasana PdP yang menarik, inovatif dan interaktif dengan menerapkan rutin berfikir sebagai pemangkin penghasilan buah fikiran yang jelas dan bermutu.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanan rutin berfikir Lampu Merah Lampu Kuning dalam



- meningkatkan kemahiran murid menjawab soalan-soalan imbuhan akhiran ‘-an’ di dalam ayat; dan
2. meneliti sejauh mana murid dapat menggunakan rutin berfikir Lampu Merah Lampu Kuning dalam pembelajaran imbuhan akhiran ‘-an’.

KAJIAN LEPAS


Ritchhart (2006) telah menjalankan kajian mengenai rutin berfikir dalam mewujudkan budaya berfikir dengan lebih tersusun dan berstruktur. Memandangkan rutin berfikir bersifat fleksibel dan meliputi pelbagai topik pengajaran, guru dapat mencorak atau mengubah pengajaran mengikut tahap keupayaan serta cara pembelajaran murid bagi mencapai objektif PdP yang diinginkan.

Ritchhart dan Perkins (2008) juga menegaskan bahawa rutin berfikir berkesan dalam meningkatkan tahap pemikiran dan idea para murid. Guru-guru dapat menilai dan memahami pemikiran setiap murid, sekali gus memudahkan proses merancang pengajaran yang bermakna dan berkesan.

Menurut Hildebrand dan Simpson (2009) dalam kajian berasingan, keberkesanan penerapan rutin berfikir jelas dilihat daripada pencapaian murid-murid yang didapati jauh lebih baik dalam ujian-ujian lain seperti Pengajian Sosial. Setelah mendedahkan para muridnya kepada rutin berfikir, mereka mampu menunjukkan daya pemikiran yang kritikal dan kreatif serta penglibatan aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Pandangan ini diperkukuh lagi oleh Cox dan Abbott (2004), yang berpendapat bahawa sesi PdP secara terancang, berstruktur dan bersesuaian mampu meningkatkan kecekapan serta merangsang minat murid terhadap pembelajaran. Namun, guru harus bijak menggabungkan pembelajaran dengan strategi pengajaran yang sesuai. Duffy, Lowyck dan Jonassen (1993) menyokong pendapat ini dan menyatakan bahawa reka bentuk pengajaran sangat penting bagi memudahkan murid belajar menggunakan platform yang terdapat dalam talian Internet. Justeru, kajian ini mengaplikasikan strategi rutin berfikir yang disesuaikan dengan pengajaran topik imbuhan akhiran ‘-an’ supaya dapat meningkatkan penguasaan pengimbuhan murid serta menggalakkan pelibatan mereka melalui proses pembelajaran berkumpulan yang bersifat global.

Selain rutin berfikir, kaedah pengajaran eksplisit merupakan strategi



pengajaran sistematik dan berstruktur dapat membantu pembelajaran murid, terutamanya murid-murid yang lemah dalam penguasaan bahasa (Rosenshine, 1997). Pendapat ini diperkukuhkan lagi oleh Tierney dan Readence (1990) yang menyatakan bahawa pengajaran eksplisit adalah satu kaedah pengajaran yang dianggap mampu meningkatkan penguasaan murid yang bermasalah terhadap pelajaran. Pengajaran eksplisit dapat mengembangkan pengetahuan prosedur dan deklaratif murid dengan cara pengajaran bertahap (Suyatno, 2010). Kaedah '*Newman Error Analysis*' pula boleh dimanfaatkan untuk mengenal pasti punca kesilapan dan kesalahan murid khususnya dalam penyelesaian masalah (Newman, 1977).

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tindakan berbentuk eksperimental. Maklum balas murid-murid tentang apa yang telah dipelajari digunakan untuk mendapatkan data kuantitatif. Maklum balas mereka penting untuk mendapatkan persepsi murid tentang penggunaan rutin berfikir dalam PdP imbuhan akhiran '-an'. Bagi data kualitatif, keputusan analisis kesilapan murid-murid digunakan untuk menilai keberkesanan strategi rutin berfikir yang digunakan.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 63 orang murid peringkat Darjah 3. 35 daripada mereka adalah daripada kumpulan yang berkeupayaan tahap tinggi (HP) dan 28 daripada tahap sederhana (MP).

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah rutin berfikir Lampu Merah Lampu Kuning. Instrumen ini digunakan lewat tiga cara utama. Pertama, penilaian formatif dibuat bagi menilai pemahaman murid. Kedua, penilaian dibuat berdasarkan hujah-hujah yang diutarakan murid-murid dalam membela pendirian dan jawapan mereka. Murid harus menerangkan mengapa pilihan tersebut dibuat. Ketiga, penilaian dibuat berdasarkan penggunaan imbuhan akhiran '-an' dalam ayat yang diberikan. Murid harus mengenal pasti sama ada perkataan berimbuhan akhiran '-an' dalam ayat-ayat yang diberikan betul. Murid-murid kemudiannya mewarnakan kotak yang disediakan pada akhir setiap ayat dengan warna merah (bagi perkataan berimbuhan yang dikenal pasti sebagai salah), hijau (bagi perkataan berimbuhan



yang dikenal pasti sebagai betul) atau kuning (untuk menunjukkan kurang pasti). Melalui kaedah ini, murid belajar untuk menganalisis kesilapan sendiri. Pada masa sama, guru mengenal pasti peringkat pemahaman murid serta mengambil langkah-langkah untuk mengatasinya.


Prosedur Kajian

Guru menjalankan pelajaran dengan mendapatkan murid meneliti penggunaan imbuhan dalam ayat. Guru memberikan contoh perkataan-perkataan yang berimbuhan akhiran '-an' seperti 'tanaman' dan 'lebih-an'. Guru menerangkan fungsi imbuhan dengan menggunakan bahan-bahan maujud dan gambar-gambar untuk mengukuhkan pemahaman murid.

Kedua, murid merujuk pada latihan 'Cuba Lakukan' Seterusnya, murid-murid menggabungkan perkataan berimbuhan akhiran '-an' dengan gambar yang betul pada slaid IWB. Secara berkumpulan, murid menyelesaikan lembaran kerja 'Tahu Bahasa'. Kemudian, guru menjalankan Kuiz Imbuhan. Setiap kumpulan diberikan *buzzer* lampu isyarat. Bagi setiap soalan, ahli-ahli kumpulan harus membincangkan sama ada perkataan-perkataan berimbuhan dalam ayat yang diberikan adalah betul ataupun tidak Rujuk Rajah 1 dan Rajah 2.

Rajah 1: Lembaran Kerja Berkumpulan Imbuhan Akhiran '-an'

KERJA KUMPULAN- ISI PETAK!		
UNIT 7: USAHA UNTUK BERJAYA		
Pelajaran 2		
TAHU BAHASA		
kata dasar	imbuhan	kata terbitan
bungkus	-an	
	-an	manisan
wangi		wangian
masak		bulatan
		mainan



Rajah 2: Kuiz Imbuhan '-an'




Dalam aktiviti seterusnya, murid mengenal pasti penggunaan akhiran '-an' yang betul pada perkataan-perkataan dalam ayat-ayat yang diberikan. Murid perlu mewarnakan kotak yang tersedia dengan warna merah bagi perkataan berimbuhan yang dikenal pasti salah penggunaannya, warna kuning untuk menunjukkan murid kurang pasti dengan jawapan mereka dan hijau bagi perkataan berimbuhan yang dikenal pasti sebagai betul. Melalui kaedah ini, murid belajar untuk menganalisis kesilapan pada penggunaan imbuhan tersebut.

Sebagai penutup, murid mengisi Pas Keluar. Rujuk Rajah 3 untuk membantu guru menilai pemahaman murid supaya guru dapat mengubah suai bahan atau rancangan pengajaran sekiranya perlu. Menerusi kesemua prosedur ini, pembelajaran murid akan dapat dipantau dari masa ke semasa.

Rajah 3: Pas Keluar

NAMA: _____	DARJAH 3 _____
IMBUHAN '-AN'	
3 PERKATAAN BERIMBUHAN '-AN' YANG TELAH SAYA PELAJARI	
1. _____	
2. _____	
3. _____	
2 PERKATAAN BERIMBUHAN '-AN' LAIN YANG SAYA TAHU	
1. _____	
2. _____	
1 AYAT YANG MENDUNGKI SATU PERKATAAN BERIMBUHAN '-AN'	
1. _____	




DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru, pelibatan murid dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan menjadi lebih menyerlah dengan menggunakan rutin berfikir. Rutin berfikir ini telah dapat merangsang pemikiran murid. Melalui rutin berfikir yang digunakan ini, murid-murid berpeluang berfikir secara aktif dan rasional. Rutin berfikir boleh digunakan untuk semua peringkat. Guru boleh menyesuaikan pengajaran mengikut tahap kemampuan murid.

Melalui penggunaan *buzzer* pula, murid teruja dan ingin mencuba. Murid-murid yang biasanya kurang melibatkan diri turut aktif semasa perbincangan dan berlumba-lumba untuk menjawab soalan kuiz yang dikemukakan. Ini sekali gus menggalakkan persaingan yang sihat.

Penggunaan *Interactive Whiteboard* (IWB) pula amat berkesan sebagai wahana pengukuhan. Melalui kaedah ini, murid-murid dapat mengukuhkan pemahaman mereka dalam suasana yang santai dan bersahaja.

Rajah 4: Contoh Hasil Kerja Kumpulan



Lampiran U7/03


Cendol

UNIT 7: USAHA UNTUK BERJAYA

Pelajaran 2

TAHU BAHASA

kata dasar	imbuhan	kata terbitan
bungkus	-an	bungkusan
manis	-an	manisan
wangi	-an	wangian
masak	-an	Masakan
bulat	-an	bulatan
main	-an	mainan



Kaedah Newman *Error Analysis* yang jauh daripada konvensional mampu memacu minda murid untuk keluar daripada kotak fikiran mereka ke tahap yang lebih tinggi. Murid perlu sedar akan kelemahan mereka dan berfikir secara kritis sebelum membuat pemilihan warna yang tepat. Rujuk Rajah 4 dan 5.

Rajah 5: Contoh Hasil Kerja Individu

Darjah: 3/Car Tarikh: 18 Julai 2017


Arahan: Warnakan kotak yang disediakan di akhir setiap ayat. Kamu boleh memilih warna hijau, merah ataupun kuning.

1. Ibu Ali telah menyediakan pelbagai hidangan di atas meja.
2. Udara di puncak gunung ini sangat nyaman.
3. Wang simpanan Dina telah digunakan untuk membeli hadiah itu.
4. Encik Haris harus membayar saman kerana membuang sampah di tepi pantai.
5. Halizah membeli wangian yang berharga \$50.
6. Rina yang peramah mempunyai ramai teman.
7. Nenek menuang air kopi ke dalam cawan.
8. Minuman bergas tidak bagus untuk kesihatan.
9. Cucu-cucu Pak Jamal sedang bermain-main di halaman yang luas.
10. Sarapan yang disediakan pembantu saya sangat enak.

Rajah 6: Dapatan Lembaran Kerja Imbuhan Akhiran '-an'

HP			
SOALAN	% BETUL	% SALAH	% TIDAK PASTI
1	97.1	0	2.9
2	77.1	0	22.9
3	97.1	2.9	0
4	91.4	8.6	0
5	85.7	14.3	0
6	97.1	2.9	0
7	94.3	5.7	0
8	97.1	0	2.9
9	80	2.9	17.1
10	71.4	14.3	14.3

MP			
SOALAN	% BETUL	% SALAH	% TIDAK PASTI
1	85.7	0	14.3
2	89.3	7.1	3.6
3	100	0	0
4	92.9	0	7.1
5	89.3	3.6	7.1



Berdasarkan maklum balas murid dengan menggunakan pas keluar, murid-murid dapat memahami konsep imbuhan akhiran '-an' dengan baik. Contoh maklum balas murid seperti yang berikut.

Rajah 7: Contoh Maklum Balas Murid

NAMA: Hannah DARJAH 3 Excellence

IMBUHAN '-AN'

3 PERKATAAN BERIMBUHAN '-AN' YANG TELAH SAYA PELAJARI


1. tanaman /
2. minuman /
3. makanan /

2 PERKATAAN BERIMBUHAN '-AN' LAIN YANG SAYA TAHU

1. mimin /
2. lukisan /

1 AYAT YANG MENGANDUNGI SATU PERKATAAN BERIMBUHAN '-AN'

1. Hari ini, saya membuat kerja kumpulan dengan kawan-kawan saya.

Panda!


NAMA: Marsya DARJAH 3 Responsibility

IMBUHAN '-AN'

3 PERKATAAN BERIMBUHAN '-AN' YANG TELAH SAYA PELAJARI

1. bulatan
2. Jualan
3. kumpulan


2 PERKATAAN BERIMBUHAN '-AN' LAIN YANG SAYA TAHU

1. fikiran /
2. salinan /

1 AYAT YANG MENGANDUNGI SATU PERKATAAN BERIMBUHAN '-AN'

1. Ibu meletakkan makanan di atas meja.

syabas!



KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa penggabungan strategi-strategi pembelajaran yang sesuai membolehkan guru meninjau sejauh mana pemahaman murid tentang topik yang mereka pelajari. Dengan ini, guru dapat melakarkan rancangan pelajaran yang sesuai dan tepat supaya pengajaran dapat disampaikan dengan berkesan manakala murid pula mencapai tahap pembelajaran yang optimum. Penggunaan rutin berfikir Lampu Merah Lampu Kuning dapat membantu proses berfikir murid. Murid membuat penelitian sebelum mereka memilih jawapan yang betul. Secara tidak langsung, murid lebih berhati-hati dalam kerja mereka. Penggunaan rutin ini bukan sahaja sesuai untuk pelajaran imbuhan malahan boleh diaplikasikan pada komponen tatabahasa yang lain.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Khuraisah Mohamed Abthar

RUJUKAN

Cox, M. J. and Abbott, C. (Eds). (2004). *ICT and attainment – A review of the research literature*. Coventry, Becta /London: DfES.

Duffy, T. M., Lowyck, J., & Jonassen, D. (1993). *Designing environments for constructive learning*. Heidelberg, Germany: Springer Verlag.

Ron Ritchhart “*Thinking routines: Establishing patterns of thinking in the classroom*”. paper presented at the AERA Conference, San Francisco, 2006.

Ritchhart, R., & Perkins, D. N. (2008). *Making thinking visible*. Educational Leadership, 65(5), 57-61.

Suyatno. (2010). *Menjelajah pembelajaran inovatif*. Sidoarjo: Masmedia Buana Pustaka.

